

Minggu Suai Mesra

Program Bioteknologi

Sesi 2010/2011

Program minggu suai mesra (MSM) bersama pelajar baru Program Bioteknologi ambilan sesi 2010/2011 telah diadakan pada 8 Julai 2010 bertempat di BK1, SST. Program ini telah dihadiri oleh para pensyarah dan pembantu makmal program bioteknologi. Pada kali ini seramai 57 orang pelajar telah diterima untuk memasuki program ini. Dr Ivy Wong Nyet Kui selaku Ketua Program telah memberikan taklimat ringkas berkaitan program dan memperkenalkan para pensyarah serta pembantu makmal. Aktiviti secara berkumpulan yang diselia oleh seorang pensyarah setiap kumpulan juga telah dijalankan. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk

mengutarakan sebarang kemasukan terutama hal-hal berkaitan akademik. Secara keseluruhan, program ini dapat mendedahkan pelajar kepada maklumat berkaitan bioteknologi secara umum, kursus-kursus yang ditawarkan dan bidang pekerjaan yang bersesuaian.

Artikel oleh: Hartinie Marbawi

